

Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan Pelajar Melayu dan Bukan Melayu: Kajian Kes di Universiti Malaysia Pahang

Munira Abdul Razak*¹, Hasnah Hussiin², Nor Ashikin Abdul Aziz² & Noor Raha Mohd. Radzuan²

ABSTRAK

Memperbaiki penguasaan bahasa khususnya Bahasa Inggeris bukanlah sesuatu yang boleh disempurnakan dalam sehari dua, sebaliknya memerlukan tempoh yang panjang. Jangka masa yang panjang juga bukan faktor penentu bahasa tersebut mampu dikuasai dengan jaya jika ia tidak diamalkan sebaik mungkin. Bagaimanapun seperti yang selalu disarankan oleh pakar bahasa, penguasaan asas bahasa berserta amalan adalah penting. Untuk mendapatkan kefasihan berbahasa, ia harus disokong oleh faktor dalaman dan luaran. Faktor dalaman antaranya berasaskan sikap, motivasi dan penerimaan individu terhadap kepentingan sesuatu bahasa itu sendiri. Sementara faktor luaran, lebih merujuk kepada rangsangan luar lingkungan yang mendorong kepada pelaksanaan sesuatu perbuatan. Justeru itu apabila membincangkan tentang isu kelemahan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar pada hari ini, adalah penting diambil kira faktor dalaman dan luaran. Seperkara lagi yang harus diberikan perhatian untuk menggalakkan penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan para pelajar pada hari ini ialah menyediakan persekitaran yang baik supaya perkembangan bahasa tersebut dapat berjalan dengan lancar. Justeru itu, kajian ini dibuat untuk melihat apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar untuk cemerlang dalam penguasaan Bahasa Inggeris.

Kata kunci: Gaya pembelajaran, Bahasa Inggeris, Faktor luaran, Faktor dalaman

PENGENALAN

Isu mengenai kelemahan pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) dalam Bahasa Inggeris menjadi isu yang amat serius pada hari ini. Ini memandangkan kebanyakan pelajar IPT masa kini sangat lemah dalam Bahasa Inggeris. Ini amat mendukacitakan kerana mahasiswa adalah penggerak pembangunan negara pada masa akan datang. Mereka akan menjadi duta negara walau di mana mereka berada. Dalam hal ini, penguasaan Bahasa Inggeris amat wajar diterapkan dengan lebih serius bagi memastikan para pelajar IPT dapat bersaing di arena antarabangsa dengan lebih baik dan berkesan. Tambahan pula bahasa ini telah digunakan secara menyeluruh dalam pelbagai bidang terutamanya perniagaan dan pentadbiran. Pasaran kerja pada masa kini juga amat mementingkan mahasiswa yang dapat berkomunikasi dengan baik di dalam Bahasa Inggeris. Seseorang mahasiswa akan lebih bernilai dan terserlah apabila mereka dapat menguasai bahasa global ini di samping bahasa ibunda mereka. Ia juga merupakan satu tindakan ke arah melahirkan modal insan yang bermutu tinggi seperti yang dicita-citakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Dalam isu penguasaan Bahasa Inggeris, semua individu berpotensi untuk maju sekiranya mereka dibimbing dengan sempurna. Dalam hal ini, semua faktor memainkan peranan: individu, guru dan masyarakat.

PERNYATAAN MASALAH

Bahasa Inggeris merupakan bahasa global pada hari ini. Justeru itu, mahasiswa IPTA dan IPTS disarankan agar menguasai bahasa tersebut bagi membolehkan mereka bersaing sama ada di peringkat kebangsaan atau peringkat antarabangsa. Tetapi apa yang menjadi persoalan utama apabila memperkatakan tentang Bahasa Inggeris adalah

* Penulis utama.

¹ Munira Abdul Razak merupakan pensyarah Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang, Kuantan Pahang. E-mail: munira@ump.edu.my.

² Hasnah Hussiin, Nor Ashikin Abdul Aziz, dan Noor Raha Mohd Radzuan merupakan pensyarah kanan Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang, Kuantan Pahang. E-mail: hasnah@ump.edu.my, ashikin@ump.edu.my, nraha@ump.edu.my.

kegagalan mahasiswa pada hari ini untuk menguasai bahasa tersebut walaupun mereka telah didedahkan dengan pembelajaran bahasa tersebut sejak di bangku sekolah rendah. Justeru itu kajian ini dibuat bagi mengenalpasti apakah faktor yang membantu pelajar untuk menguasai bahasa tersebut untuk dijadikan panduan kepada pelajar yang lemah dalam Bahasa Inggeris. Oleh itu pelajar yang cemerlang dalam bahasa tersebut dijadikan sampel kajian.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti latar belakang pelajar yang cemerlang dalam subjek Bahasa Inggeris di Universiti Malaysia Pahang, punca prestasi cemerlang mereka, mengenalpasti halangan dalam penggunaan Bahasa Inggeris, cara berkesan menguasai Bahasa Inggeris serta komponen Bahasa Inggeris yang ingin mereka perbaiki bagi memantapkan lagi penguasaan mereka dalam Bahasa Inggeris.

Subjek Kajian

Populasi kajian ini terdiri daripada pelajar-pelajar UMP yang cemerlang dalam subjek Bahasa Inggeris. Responden yang menjadi sampel kajian merupakan pelajar-pelajar yang mendapat keputusan A dalam subjek Bahasa Inggeris bagi semester 1 2006/2007. Sebanyak 80 borang soal selidik telah diedarkan kepada responden dan hasil kutipan data menunjukkan seramai 19 orang telah mengembalikan semula borang soal selidik yang diberikan.

Instrumen Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan instrumen borang soal selidik dalam mendapatkan data kajian daripada semua responden. Satu set borang soal selidik digunapakai bagi mendapatkan maklumat yang merangkumi soalan-soalan berkaitan dengan objektif kajian. Soalan-soalan yang terkandung dalam soal selidik ini dibahagikan kepada dua bahagian, Bahagian A dan Bahagian B. Soalan-soalan di Bahagian A dapat membantu pengkaji untuk mengetahui latar belakang profil para responden dan mengenalpasti serba sedikit mengenai latar belakang ahli keluarga. Soalan-soalan di bahagian ini dibahagikan kepada tiga bahagian kecil iaitu (1) tempat tinggal (2) latar belakang diri dan keluarga serta (3) bahasa yang digunakan di rumah.

Di Bahagian B pula soal selidik lebih bertumpu kepada faktor individu iaitu apakah yang responden lakukan untuk memperbaiki penguasaan Bahasa Inggeris mereka. Untuk soalan 12, pengkaji turut menyediakan pilihan kepada responden dalam menentukan komponen Bahasa Inggeris yang ingin mereka perbaiki. Dalam pemilihan ini, semua responden memilih untuk memperbaiki semua komponen Bahasa Inggeris yang disenaraikan iaitu tatabahasa (*grammar*), perbendaharaan kata (*vocabulary*), sebutan (*pronunciation*) dan pembinaan ayat (*sentence construction*).

Kaedah Penganalisan Data

Kaedah analisis kualitatif digunakan oleh pengkaji untuk melihat dapatan kajian. Ini meliputi semua dapatan borang soal selidik mengikut objektif kajian.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Latar belakang Akademik Ibu Bapa Pelajar

Latar belakang pendidikan ibubapa terdiri daripada enam kategori. Ia bermula dari mereka yang tiada pendidikan formal, bersekolah rendah, berkelulusan SPM, Diploma, Ijazah dan Sarjana. Golongan yang tidak berpendidikan formal sebanyak 10.5%, diikuti oleh yang berpendidikan sekolah rendah sebanyak 26.31% dan mereka berkelulusan SPM iaitu 42.11%. Ibubapa yang berpendidikan tinggi iaitu Diploma sebanyak 5.26%, Ijazah 5.26%